



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	11/3/2021	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# TNB tidak potong bekalan elektrik

**SHAH ALAM** – Tiada sebarang perancangan pemotongan bekalan elektrik akan dilakukan dalam masa terdekat terhadap Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang dekat sini.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam kenyatannya berkata, pihaknya mengambil maklum kesulitan yang dihadapi penduduk pangsapuri tersebut berikutan ketiadaan Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi pengurusan bayaran selenggara seperti dilaporkan.

“TNB ambil maklum usaha penduduk mencari jalan penyelesaian menerusi usaha penubuhan JMB serta mendapatkan hak milik strata dan Sijil Layak Menduduk (CF).

“Justeru, untuk masa terdekat TNB tiada perancangan untuk memotong bekalan elektrik di Pangsapuri Seri Perantau,” katanya.

*Kosmo!* semalam melaporkan belum selesai isu pemilikan

### Tunggakan bil elektrik Pangsapuri Seri Perantau RM4 **10,000 penghuni bakal 'bergelap'**



**KERATAN Kosmo! 11 Mac 2021.**

strata, masalah terus membelenggu 10,000 penghuni Pangsapuri Seri Perantau di sini apabila bakal bergelap susulan berdepan tindakan pemotongan bekalan elektrik.

Pangsapuri yang mempunyai 12 unit blok itu mempunyai tunggakan bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) melebihi RM2 juta.

Mengulas lanjut, TNB berkata, berdasarkan semakan mendapati jumlah tunggakan hanya sekitar RM2.6 juta dan bukan RM4 juta seperti yang dilaporkan sebelum ini.